


Aliran Kerja e-recruIT EVO2



Rajah 1

e-recruIT EVO 2 menyediakan perkhidmatan melalui halaman web <http://eregistry.usm.my/hr/erecruit>. Capaian kepada e-recruIT EVO 2 boleh dilakukan di mana-mana sahaja yang mempunyai rangkaian internet.

Proses pengiklanan bermula dengan penentuan keperluan staf oleh pihak BPSM&P berdasarkan permohonan yang dibuat oleh jabatan-jabatan atau pusat-pusat pengajian. Jawatan-jawatan yang disahkan untuk pengiklanan akan diserahkan kepada operator e-recruIT EVO 2 untuk dimasukkan ke dalam pangkalan data e-recruIT EVO 2 secara on-line melalui halaman web e-recruIT EVO 2 (bahagian A pada Rajah 2).

Pemohon boleh mendaftar login yang akan mereka gunakan di halaman web pendaftaran e-recruIT EVO 2. Pemohon perlu mengisi maklumat peribadi, akademik, pengalaman dan abstrak (bagi pemohon jawatan akademik) sebelum memohon jawatan yang diiklankan. Pemohon boleh mengemaskini maklumat mereka dari masa ke semasa (bahagian B, C pada Rajah 2).

Pemohon boleh memohon mana-mana iklan aktif pada satu ketika, bilangan jawatan yang boleh dipohon untuk setiap pakej iklan ditentukan oleh bahagian BPSM&P. Pemohon boleh menyemak status permohonan mereka dari masa semasa pada ruangan iklan dipohon, pemohon boleh membuat permohonan atau membuang permohonan mereka selagi pakej iklan tersebut tidak ditutup (bahagian D pada Rajah 2).

Proses pemilihan (senarai pendek), ujian saringan dan ujian khas dilakukan selepas pakej iklan ditutup. Status permohonan setiap pemohon akan dikemaskini secara automatik pada setiap peringkat. Pemohon-pemohon yang berjaya untuk proses temu duga akan diberitahu melalui halaman web (status permohonan), e-mel atau secara telefon. Tarikh temu duga turut disenaraikan pada halaman web e-recruIT EVO 2 (bahagian E Rajah 2).

Pemohon-pemohon yang berjaya disenarai pendek perlu hadir ke lokasi yang ditentukan oleh pihak BPSM&P untuk menjalani proses temu duga. Status temu duga boleh disemak melalui halaman web e-recruIT EVO 2. Bagi pemohon yang berjaya, surat tawaran perkhidmatan akan dikeluarkan, dan bagi pemohon-pemohon yang tidak berjaya, surat duka cita akan dikeluarkan (bahagian F pada Rajah 2).